



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***HUBUNGAN PENDEKATAN KOLABORATIF TERHADAP PENCAPAIAN
PROGRAM PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH DI
SEMENANJUNG MALAYSIA***

SITI FAIZAH BINTI SAID

FPP 2019 16



**HUBUNGAN PENDEKATAN KOLABORATIF TERHADAP PENCAPAIAN
PROGRAM PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH DI
SEMENANJUNG MALAYSIA**

Oleh

SITI FAIZAH BINTI SAID

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Februari 2019

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**HUBUNGAN PENDEKATAN KOLABORATIF TERHADAP PENCAPAIAN
PROGRAM PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH DI
SEMENANJUNG MALAYSIA**

Oleh

SITI FAIZAH BINTI SAID

Februari 2019

Pengerusi : Profesor Madya Asmawati Suhid, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Malaysia telah berusaha keras mewujudkan budaya Al Quran dalam sistem pendidikan. Daripada tinjauan penyelidik, prestasi pelajaran Pendidikan Islam sama ada Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan fardu ain sebelum ini masih belum mencapai tahap yang memuaskan dalam kalangan murid-murid (Sabariah, 2012). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana keberkesanan teknik kolaborasi dalam model khatam Al Quran j-QAF difahami dan dipraktikkan oleh Guru Pendidikan Islam sekaligus dapat membantu murid membaca Al Quran dengan betul dan mampu khatam Al Quran pada tamat persekolahan tahun enam. Sejumlah 399 orang guru Pendidikan Islam sekolah rendah di Semenanjung Malaysia dipilih secara rawak berstrata nisbah sebagai sampel kajian. Terdapat empat objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini. Empat aspek yang dikaji dalam kajian ini ialah tahap menggunakan kaedah kolaborasi, perbezaan pengalaman mengajar, hubungan terhadap pencapaian dan pengaruh terhadap pencapaian dari segi perancangan, pelaksanaan, kaedah Talaqqi Musyafaha, dan penggunaan BBM, dalam model khatam Al-Quran jQAF. Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Instrumen yang digunakan melibatkan satu set soal selidik dan telah diberikan kepada guru-guru Pendidikan Islam. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 22 secara deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif terdiri daripada min, sisihan piawai, peratusan dan kekerapan. Manakala analisis inferensi yang digunakan ialah ujian T, pekali korelasi Pearson dan regresi linear berganda. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keberkesanan kaedah kolaborasi guru-guru Pendidikan Islam dalam model khatam Al Quran j-QAF berada pada tahap yang tinggi. Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan signifikan positif antara teknik pengajaran secara kolaborasi dalam model khatam Al Quran j-QAF ini dengan pencapaian murid dalam menguasai bacaan dengan baik dan membolehkan murid khatam Al Quran di peringkat sekolah rendah. Kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif antara teknik pengajaran

secara kolaborasi dalam model khatam Al Quran jQAF ini. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa implikasi dikemukakan yang meliputi aspek kajian teori masteri dalam pengajaran Pendidikan Islam, kajian secara praktik terhadap pengajaran model khatam Al-Quran, kajian terhadap latihan dan pendidikan guru Pendidikan Islam dan implikasi terhadap kurikulum Pendidikan Islam.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

**THE LINK BETWEEN COLLABORATIVE APPROACH TO THE
ACHIEVEMENT OF ISLAMIC STUDIES IN PRIMARY SCHOOL IN
PENINSULAR MALAYSIA**

By

SITI FAIZAH BINTI SAID

February 2019

Chairman : Associate Professor Asmawati Suhid, PhD
Faculty : Education

Malaysia has worked hard in creating the culture of Quranic in the education system. From the aspect of researchers, the performance of Islamic Education that includes jawi, Al-Quran, Arabic language and fardu ain have not reach the satisfactory level among students (Sabariah, 2012). This research aims to study the effectiveness in collaborative technique by completing the Quranic j-QAF model in understanding and practiced by the teachers of Islamic Education subject and together can help the students in reciting the Quranic correctly and also be able to complete reciting the whole of the Quran at the end of school year in standard six. A number of 399 Islamic Education primary school teachers in Peninsular Malaysia were selected randomly in stratified ratio as the research sample. There are four aspects to be achieved in this study. The four aspects of the research are the stage in using the collaboration method, the differences in teaching experiences, the relationship between the achievement and the effect towards the achievement in the aspect of planning, execution, Talaqqi Musyafahah method and the exercise of BBM in completing the Quranic j-QAF model. The data collection method used in this study is the quantitative method. The instrument used is a set of questionnaires which are distributed to all Islamic Education teachers. The data collected were analysed with SPSS Version 22 software by descriptive and inference. Descriptive analysis consists of mean, standard deviation, percentage and frequency. Meanwhile the inference analysis used is T-test, Pearson correlation coefficient and double linear regression. The data collected shows that the effectiveness in collaborative technique in Islamic Education teachers in Quranic j-QAF model are at high level. The data also shows that there is a significant positive relationship between the collaborative teaching technique in Quranic j-QAF model with the achievement of the students in master in reciting the Quran and enable the students to complete the Quran during primary school years. The data also shows that there is a significant positive relationship between collaborative technique in the Quranic j-QAF model. Based on the data collected, there are some implications

discussed that include the aspect of study in master theory the study on practical studies on the teaching of the Quranic model, the study on the training and education of Islamic Education teachers together with Islamic Education curriculum.



© COPYRIGHT UPM

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah kurnia dan izin-NYA dapat saya menyiapkan penyelidikan ini.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada ahli jawatankuasa penyeliaan tesis, iaitu Prof.Madya Dr. Asmawati binti Suhid, Dr. Fathiyah binti Mohd Fakhrudin dan Dr.Othman bin Talib. Bimbingan dan curahan ilmu, teguran, tunjuk ajar dan nasihat yang begitu berguna sepanjang kajian ini dijalankan amat saya hargai.

Tidak dilupakan buat pensyarah-pensyarah dan ahli panel yang banyak memberi didikan dan tunjuk ajar iaitu Dr Azhar bin Md.Sabil, Dr. Abd Shattar bin Che Abd. Rahman, Dr. Zahiyah binti Harith@ Harith, Dr. Mustapha Kamal Bin Ahmad Kassim dan Ustaz Syed Abdul Hafiz bin Syed Mohamad.

Seterusnya ucapan terima kasih kepada Dr. Simah binti Mamat, Dr. Ros Ayu binti Abdullah dan Dr. Nor Asiah binti Ismail yang turut menyumbang idea dan tenaga dalam menyempurnakan penyelidikan ini. Tidak ketinggalan juga kepada Puan Rozanah binti Abdul Hamid selaku ketua jabatan tempat saya bertugas yang sangat memahami, bertolak ansur dan membantu memudahkan perjalanan saya bagi menyiapkan penyelidikan ini. Kerjasama, bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang pengajian amat saya hargai.

Kepada bonda tercinta, Salamah binti Salim, terima kasih atas segala pertolongan dalam menguruskan keluarga saya sepanjang penyelidikan ini disiapkan, juga dorongan dan sentiasa mendoakan kejayaan anakmu. Terima kasih yang tidak terhingga juga buat kaum keluarga dan sahabat handai yang selalu memberi semangat serta mendoakan kejayaan ini.

Penghargaan istimewa juga khas buat suami tercinta, Mohammad Ajmal bin Jamin, kerana sangat memahami dan bertolak ansur dalam keadaan yang perlu diberi perhatian sepenuhnya atas dugaan kesihatan oleh Allah s.w.t. namun masih memberi ruang kepada saya untuk meneruskan cita-cita dan menyiapkan penyelidikan saya ini. Terima kasih atas pengorbanan, kesabaran, dorongan dan doamu sepanjang pengajian ini. Moga Allah saja yang dapat membalasnya.

Kepada anak-anak yang disayangi, Deena, Dania dan Daniel. Terima kasih kerana memahami tanggungjawab umi dalam meneruskan pencarian ilmu, seterusnya banyak membantu umi dalam menguruskan ayah yang kurang upaya juga sentiasa menjadi anak-anak yang sangat memahami situasi yang sedang umi hadapi. Semoga kembara ilmu ini menguatkan tekad dan semangat untuk anak-anak umi mencapai kejayaan dunia dan akhirat.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Asmawati Binti Suhid, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Fathiyah Binti Mohd Fakhrudin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Othman Bin Talib, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No: Siti Faizah Binti Said, GS25820

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi

BAB

1	PENDAHULUAN	1
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.1.1	Kurikulum dan pengajaran	3
1.1.2	Kurikulum jQAF	4
1.2	Perkembangan Kurikulum Pendidikan Islam	5
1.2.1	Kurikulum Pendidikan Islam menerusi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)	6
1.2.2	Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah	7
1.2.3	Jawi	8
1.2.4	Al-Quran	8
1.2.5	Fardu Ain	9
1.2.6	Kurikulum Pendidikan Islam KSSR (semakan 2017) kurikulum terkini BPK Bahagian Dokumen	9
1.3	Pernyataan Masalah	12
1.4	Tujuan Kajian	14
1.5	Objektif Kajian	15
1.6	Persoalan Kajian	15
1.7	Hipotesis kajian	16
1.8	Signifikan Kajian	16
1.9	Batasan Kajian	17
1.10	Definisi Operasional	18
1.10.1	Model Khatam al-Quran	18
1.10.2	Pendekatan Kolaborasi	18
1.10.3	Pelaksanaan	19
1.11	Kerangka Konseptual Kajian	20
1.12	Rumusan	20
2	SOROTAN KAJIAN	22
2.1	Tahap perancangan, pelaksanaan, Kaedah Talaqqi Musyafaha, dan Penggunaan BBM, dalam model khatam al-Quran jQAF	22
2.2	Kurikulum dan Pengajaran	24
2.3	Kurikulum Kebangsaan	26
2.4	Kurikulum jQAF	27
2.5	Konsep jQAF	28
2.5.1	Objektif jQAF	28

2.5.2	Kepentingan jQAF	28
2.5.3	Strategi Pelaksanaan jQAF	28
2.5.4	Model-model jQAF	29
2.5.5	Model Khatam al-Quran	29
2.6	Kajian Lepas Berkaitan Tajuk	31
2.6.1	Kajian Lepas Berkaitan Tentang Kolaborasi	31
2.6.2	Kajian Tentang Kepentingan Pendidikan Islam melalui program jQAF	34
2.6.3	Kajian Tentang Pelajaran Dan Pendidikan al-Quran	35
2.6.4	Kajian Tentang Komitmen Guru Dan Pihak Sekolah	37
2.6.5	Kajian Tentang Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	39
2.6.6	Kajian Tentang Penggunaan Kaedah dan Teknik Mengajar	41
2.6.7	Kajian Tentang Latihan Perguruan Dan Peningkatan Tahap Profesionalisme Guru	41
2.7	Teori yang Mendasari Kajian	42
2.7.1	Teori Pembelajaran Masteri	42
2.8	Rumusan	46
3	METODOLOGI KAJIAN	47
3.1	Reka Bentuk Kajian	47
3.2	Lokasi kajian	48
3.3	Populasi dan Persampelan Kajian	49
3.4	Saiz Sampel	50
3.4.1	Saiz Sampel Formula Cochran (1977)	50
3.5	Kaedah Persampelan	51
3.6	Instrumen Kajian	53
3.7	Kesahan Kandungan	54
3.8	Kajian Rintis	54
3.9	Kajian Sebenar	56
3.10	Prosedur Kajian	57
3.11	Penganalisan Data	58
3.12	Rumusan	60
4	DAPATAN KAJIAN	61
4.1	Proses Persediaan Data	61
4.1.1	Data Lenyap	61
4.1.2	Data Terpencil	62
4.1.3	Ujian Kenormalan	62
4.2	Analisis Dapatan Kajian	63
4.2.1	Profil Sampel Kajian	63
4.3	Tahap Perancangan, Pelaksanaan, Kaedah Talaqqi Musyafaha, Dan Penggunaan BBM, Dalam Model Khatam al-Quran JQAF	64
4.4	Perbezaan Perancangan Dalam Program al-Quran JQAF Berdasarkan Pengalaman Mengajar	74
4.5	Perbezaan Tahap Pelaksanaan Dalam Program al-Quran JQAF Berdasarkan Pengalaman Mengajar	75

4.6	Perbezaan Pengajaran Berpasangan Dalam Program al-Quran jQAF Berdasarkan Pengalaman Mengajar	75
4.7	Perbezaan Penggunaan BBM Dalam Program al-Quran JQAF Berdasarkan Pengalaman Mengajar	76
4.8	Perbezaan Kaedah Talaqqi Musyafaha Dalam Program al-Quran JQAF Berdasarkan Pengalaman Mengajar	77
4.9	Hubungan Perancangan Dalam Program al-Quran JQAF Terhadap Pencapaian	77
4.10	Hubungan Pelaksanaan Dalam Program Khatam al-Quran jQAF Terhadap Pencapaian	78
4.11	Hubungan Pengajaran Berpasangan Dalam Program al-Quran JQAF Terhadap Pencapaian	79
4.12	Hubungan penggunaan BBM Berpasangan dalam Program al-Quran jQAF terhadap pencapaian	80
4.13	Hubungan Kaedah Thalqa Mushafahah Dalam Program al-Quran JQAF Terhadap Pencapaian	80
4.14	Hasil Analisis Regresi Statistik Deskriptif	81
4.15	RUMUSAN	84
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN	85
5.1	Rumusan kajian	85
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	86
5.2.1	Perancangan, pelaksanaan, Kaedah Talaqqi Musyafaha, dan Penggunaan BBM, dalam model khatam al-Quran jQAF	86
5.2.2	Tahap perancangan dalam Program al-Quran jQAF berdasarkan pengalaman mengajar	89
5.2.3	Tahap pelaksanaan dalam Program Khatam al-Quran jQAF berdasarkan pengalaman mengajar	89
5.2.4	Perbezaan pengajaran berpasangan dalam Program khatam al-Quran jQAF berdasarkan pengalaman mengajar	90
5.2.5	Tahap Penggunaan BBM dalam Program khatam al-Quran jQAF berdasarkan pengalaman mengajar	90
5.2.6	Perbezaan talaqqi musyafaha dalam Program al-Quran jQAF berdasarkan pengalaman mengajar	91
5.2.7	Hubungan perancangan dalam program khatam al-Quran jQAF terhadap pencapaian	91
5.2.8	Hubungan pelaksanaan dalam khatam al-Quran jQAF terhadap pencapaian	92
5.2.9	Hubungan pengajaran berpasangan dalam program khatam al-Quran jQAF terhadap pencapaian	93
5.2.10	Hubungan penggunaan BBM berpasangan dalam program khatam al-Quran jQAF terhadap pencapaian	94
5.3	Dapatan Baharu Kajian	95
5.4	Implikasi Kajian	95
5.4.1	Implikasi Kajian kepada Teori Masteri dalam Pengajaran Pendidikan Islam	95

5.4.2	Implikasi kajian secara praktik terhadap pengajaran model khatam al-Quran	96
5.4.2.1	Implikasi Kajian Terhadap Latihan dan Pendidikan Guru pendidikan Islam	97
5.4.2.2	Implikasi terhadap Kurikulum Pendidikan Islam	98
5.5	Sumbangan Kajian	99
5.6	Cadangan Kajian	101
5.7	Kesimpulan	102

RUJUKAN	103
LAMPIRAN	123
BIODATA PELAJAR	197
SENARAI PENERBITAN	198



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 Agihan Waktu Khatam al-Quran Dan Asuhan Tilawah al-Quran	30
3.1 Senarai Bilangan Sekolah Kebangsaan Mengikut Zon	49
3.2 Jumlah Populasi Mengikut Zon	49
3.3 Pembahagian Nisbah Saiz Sampel	52
3.4 Pembahagian Konstruk Mengikut Item Dan Sumber Soal Selidik	53
3.5 Pekali Kebolehpercayaan Kajian Rintis Berdasarkan Pemboleh Ubah	55
3.6 Pekali Kebolehpercayaan Kajian Sebenar Berdasarkan Pemboleh Ubah	56
3.7 Pelaksanaan Teknik Kolaborasi Dalam Model Khatam al-Quran JQAF Di Malaysia	58
3.8 Penganalisisan Data Dalam Kajian Ini Menggunakan Ujian-t dan regresi berganda	59
4.1 Kepencongan dan Kurtosis Mengikut Konstruk	62
4.2 Profil Sampel Kajian	64
4.3 Tahap Perancangan model khatam al-Quran jQAF menggunakan pendekatan kolaborasi bagi mata mata pelajaran Pendidikan Islam	65
4.4 Tahap Pelaksanaan model khatam al-Quran jQAF menggunakan pendekatan kolaborasi bagi mata mata pelajaran Pendidikan Islam	68
4.5 Tahap pengajaran berpasangan model khatam al-Quran jQAF menggunakan pendekatan kolaborasi bagi mata mata pelajaran Pendidikan Islam	70
4.6 Tahap Penggunaan BBM model khatam al-Quran jQAF menggunakan pendekatan kolaborasi bagi mata mata pelajaran Pendidikan Islam	72
4.7 Tahap Kaedah Talaqqi Musyafaha model khatam al-Quran jQAF menggunakan pendekatan kolaborasi bagi mata mata pelajaran Pendidikan Islam	74
4.8 Analisis Ujian-t Perancangan dalam Program al-Quran jQAF berdasarkan pengalaman mengajar	75

4.9	Analisis Ujian-t Pelaksanaan dalam Program al-Quran jQAF berdasarkan pengalaman mengajar	75
4.10	Analisis Ujian-t Pengajaran Berpasangan dalam Program al-Quran jQAF berdasarkan pengalaman mengajar	76
4.11	Analisis Ujian-t perbezaan penggunaan BBM dalam Program al-Quran jQAF berdasarkan pengalaman mengajar	76
4.12	Analisis Ujian-t Perbezaan Kaedah Talaqqi Musyafaha dalam Program al-Quran jQAF berdasarkan pengalaman mengajar	77
4.13	Anggaran kekuatan perhubungan antara dua pemboleh ubah Signifikan pekali korelasi Pearson	78
4.14	Anggaran kekuatan perhubungan antara dua pemboleh ubah Pencapaian dan perancangan	78
4.15	menunjukkan anggaran kekuatan perhubungan antara dua pemboleh ubah pencapaian dan pelaksanaan	79
4.16	Hubungan Pengajaran Berpasangan dalam Program al-Quran jQAF terhadap pencapaian	79
4.17	Hubungan penggunaan BBM Berpasangan dalam Program al-Quran jQAF terhadap pencapaian	80
4.18	Hubungan kaedah thalaqi mushafahah dalam Program al-Quran jQAF terhadap pencapaian	80
4.19	Statistik diskriptif	81
4.20	Matrik Korelasi	82
4.21	Model Summary	82
4.22	Analisis Anova	83
4.23	Nilai Pekali Regresi	84

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	20
2.1 Perhubungan antara Kurikulum dan Pengajaran	25
2.2 Teori Pembelajaran Masteri	45



BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, iaitu isu tentang keberkesanan teknik kolaborasi dalam model khatam al-Quran jQAF iaitu merupakan satu program yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah di Malaysia. Di samping itu, bab ini akan menghuraikan bahagian pernyataan masalah kajian, diikuti dengan tujuan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, signifikan kajian dan batasan kajian. Dalam bahagian ini juga definisi operasional pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian dan definisi operasional turut diperjelaskan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan di Malaysia telah melalui pelbagai transformasi bagi memastikan sistem pendidikan ini mencapai pendidikan berkualiti. Pendidikan juga memainkan peranan utama bagi perkembangan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku dalam bilik darjah merupakan petunjuk utama yang dapat mengukur dengan tepat kemajuan masa hadapan negara. Istilah pendidikan berasal daripada perkataan Latin “educare” yang dalam bahasa Inggeris bermaksud mengasuh kanak-kanak secara fizikal dan mental, membela dan mendidik (Pannurge, 2007). Perkataan “educare” juga ada kaitan dengan satu lagi perkataan Latin “educere” yang membawa maksud “membawa keluar” atau menarik keluar (Pannurge, 2007). Konsep “membawa keluar” bererti menterjemahkan nilai insani manusia kepada tingkah laku yang positif. Manakala Narvaez dan Lapsley (2008) pula menyatakan pendidikan sebagai “values-infused enterprise”. Jelasnya, istilah pendidikan dapat dirumuskan sebagai mencungkil potensi manusia (Mustakova-Possardt, 2010). Oleh itu pendidikan merupakan satu cara untuk menyedarkan pemikiran dan menggilap unsur intrinsik hati nurani manusia.

Dalam menghadapi persaingan ekonomi global pada masa kini, kejayaan sesebuah negara amat bergantung kepada ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang dimiliki oleh rakyatnya (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025). Bagi Jarret (1991), pendidikan di sekolah perlu mengukuhkan nilai-nilai seperti keprihatinan dan apresiasi. Fraenkel (1977) pula bersetuju pengajaran dan pembelajaran nilai ialah kegiatan utama sekolah dan orientasi nilai yang dipupuk menjadi pengalaman penting kepada perkembangan diri murid. Pendidikan perlu membolehkan murid untuk mengambil tindakan dan mengatasi penindasan (Freire, 1970; Ornstein & Hunkins, 1993). Dalam hubungan ini Howard (2004) juga bersetuju dengan Aristotle (1925) bahawa pembinaan karakter adalah suatu perkara penting yang berkaitan dengan amalan dan latihan serta pendidikan pula perlu menanamkan amalan dan latihan melalui kurikulum. Oleh itu, bidang pendidikan dilihat sebagai salah satu aspek yang paling penting dalam memainkan peranan ke arah melahirkan

generasi akan datang bagi mendukung dan mentadbir negara dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani yang stabil. Ini telah dijelaskan di dalam Falsafah Pendidikan Negara di mana asas kepada titik permulaan dalam proses ini bermula dari sekolah dan untuk merealisasikan hasrat murni ini, kesemua ahli dalam organisasi sekolah merupakan sumber tenaga yang amat penting.

Vallins (1971) menjelaskan bahawa salah satu fungsi pendidikan ialah untuk menyedarkan peranan individu sebagai agen sosial dalam masyarakat. Oleh itu murid perlulah dibekalkan dengan pengalaman dan kemahiran sosial agar mereka mampu berfungsi kepada diri dan masyarakat. Dalam konteks ini sekolah perlu menyediakan latihan dan pengalaman melalui proses pendidikan untuk memberikan pendedahan asas tentang kemahiran komunikasi dan sosial kepada murid. Seterusnya, murid pula akan memperkukuh dan meluaskan pengalaman yang diperoleh daripada sekolah dan masyarakat dengan memperoleh pengetahuan, menyerap adat resam dan mendapatkan ilmu daripada orang-orang tua serta pakar-pakar daripada generasi lampau. Oleh itu, pedagogi pengajaran di sekolah dijadikan paksi untuk mewujudkan persekitaran sosiobudaya yang sihat dalam mencorakkan cara pelajar berfikir, menaakul dan bertindak sebagai agen sosial dalam konteks masyarakat pelbagai budaya di Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa melakukan penambahbaikan dalam sistem pendidikan negara. Penambahbaikan yang telah dilakukan termasuklah pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP, 2006-2010) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti serta mutu pendidikan Malaysia agar seiring dengan kehendak pendidikan global bagi melahirkan sumber manusia yang berdaya saing dan mempunyai nilai pasaran yang tinggi di samping berjaya menghadapi cabaran abad ke 21. Ini adalah kerana kejayaan sesebuah negara bergantung kepada ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi rakyatnya. Oleh itu, tidak mustahil negara yang mempunyai ekonomi cemerlang berpunca dari rakyatnya yang berpendidikan tinggi hasil dari system pendidikan yang berkualiti (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Pendidikan dalam Islam mempunyai kedudukan yang amat penting sekali. Ia menjadi bidang yang tidak dapat dipisahkan dalam Islam dan merupakan ibadat yang besar. Kedudukan dan kepentingan pendidikan itu amat jelas apabila kita meneliti ayat al-Quran yang pertama diturunkan. Ia tidak dimulai dengan perintah yang berhubung dengan perkara lain seperti solat, tetapi dimulakan dengan perintah yang berhubung dengan pendidikan

Pengertian pendidikan dalam keseluruhan pengertian dalam konteks Islam wujud dalam konotasi istilah *tarbiyyah*, *ta'lim* dan *ta'dib*. Perkara yang disampaikan oleh setiap istilah ini mengenai manusia dan masyarakat mereka dan persekitaran dalam hubungannya dengan Tuhan, adalah berkaitan dengan yang lain-lain. Semuanya itu memperlihatkan ruang lingkup pendidikan dalam Islam, sama ada yang formal dan yang tidak formal. Turki Rabih menyatakan bahawa Islam ialah agama dan negara, akidah dan syariat. Justeru, Pendidikan Islam adalah program menuju kepada

matlamat membentuk peribadi manusia yang seimbang daripada segi kerohanian dan kebendaan serentak dalam satu masa. Ibnu khaldun (2002) dalam kitabnya Muqaddimah menyatakan bahawa al-Quran itu perlu dipelajari dan dibaca oleh kanak-kanak pada peringkat awal. Hal ini demikian kerana membaca al-Quran akan menanamkan benih-benih keimanan ke dalam jiwa kanak-kanak

Al-Jundi menyatakan bahawa Islam memahami pendidikan atau *tarbiah* sebagai suatu persediaan roh dan jiwa seseorang untuk menerima mata pelajaran dan pengetahuan melalui cara yang dirancang. Manakala tujuan Pendidikan Islam lebih luas dan *syumul* iaitu membentuk warganegara yang baik untuk melahirkan insan soleh yang tidak mengenal batas masa, negeri dan bangsa, malahan menuju kepada Allah dan alam akhirat. Rasulullah pernah menerangkan tujuan *tarbiah* yang Baginda terima dengan sabdanya yang bermaksud: “Sesungguhnya aku diutuskan hanyalah semata-mata untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.”

Program jQAF adalah program yang diperkenalkan dalam sistem pendidikan sekolah rendah di Malaysia. Perkataan jQAF adalah singkatan bagi Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain. Program ini mula dicetuskan oleh Y. A.B Perdana Menteri, Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi yang telah dinyatakan secara khusus semasa lawatannya ke Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 30 Disember 2003. Cetusan idea ini diperhalusi di peringkat Kementerian Pendidikan melalui satu seminar jQAF pada 3 Mac hingga 5 Mac 2004. Program ini telah dijalankan secara uji kaji dalam projek rintis selama tiga bulan dan berakhir pada bulan Julai 2004. Perdana Menteri telah bersetuju program ini dilaksanakan mulai tahun 2005. Justeru, KPM telah menggubal dan merancang model dan modul program jQAF, setelah meneliti dan menambah baik beberapa aspek hasil projek rintis.

Program jQAF mula dijalankan secara berperingkat. Sebanyak 1221 buah Sekolah Kebangsaan seluruh negara telah terlibat dalam pelaksanaan program jQAF peringkat pertama (tahun 2005) dan semua sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan telah melaksanakan program jQAF sehingga tahun ini (tahun 2019). Program ini bermula dengan kelas Tahun Satu. Beberapa perubahan berlaku terutamanya dalam pengagihan waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam bermula dari Tahun Satu hingga Tahun Enam.

1.1.1 Kurikulum dan pengajaran

Kurikulum merupakan suatu pengalaman pembelajaran yang disediakan dalam bentuk rancangan pembelajaran (Norlidah Alias, 2010) dan sentiasa mengalami perubahan serta perkembangan sejajar dengan tuntutan semasa (Norlidah Alias, 2010 & Ahmad Subri Shuib, 2009). Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah bergantung kepada kesediaan, keupayaan serta peranan guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah untuk mencapai matlamat dan objektif kurikulum Pendidikan Islam yang telah digubal. Dalam beberapa kajian tentang pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam, terutamanya dalam kaitan ke arah

pembinaan negara bangsa Malaysia, aspek yang paling utama yang perlu dikaji adalah strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru-guru Pendidikan Islam di bilik darjah (UKM, 2004). Secara perbandingannya dengan guru-guru matapelajaran lain, guru-guru Pendidikan Islam dikatakan masih lagi mempunyai beberapa kelemahan dalam merangka amalan dan strategi pengajaran yang terkini dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Memandangkan aktiviti pengajaran merupakan satu aspek yang sangat penting dalam memastikan perkembangan positif pendidikan awal para pelajar, maka adalah penting untuk kita memastikan kesediaan guru dan pendekatan yang terbaik digunakan sewaktu mengajar. Kajian-kajian lepas menunjukkan kurang kesediaan dan kelemahan strategi pengajaran boleh menyebabkan pelajar memperolehi pencapaian yang rendah. Kajian-kajian itu juga menekankan pihak sekolah patut memfokuskan kepada kesediaan dan amalan strategi pengajaran dan pembelajaran.

Oleh itu dalam kajian ini pengkaji ingin menguji tahap menggunakan kaedah kolaborasi, perbezaan pengalaman mengajar, hubungan terhadap pencapaian dan pengaruh terhadap pencapaian dari segi perancangan, pelaksanaan, kaedah Talaqqi Musyafaha, dan penggunaan BBM, dalam model khatam Al-Quran jQAF. Kajian tentang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bukanlah sesuatu yang baru dalam konteks pendidikan di Malaysia. Namun perhatian terhadap kaedah kolaborasi dan pengalaman mengajar masih lagi berkurangan terutamanya kajian tentang tahap menggunakan kaedah kolaborasi, perbezaan pengalaman mengajar, hubungan terhadap pencapaian dan pengaruh terhadap pencapaian dari segi perancangan, pelaksanaan, kaedah Talaqqi Musyafaha, dan penggunaan BBM, dalam model khatam Al-Quran jQAF. Kajian seperti ini adalah penting untuk mengenal pasti kesediaan guru Pendidikan Islam peringkat sekolah menggunakan strategi pengajaran yang berkesan dalam mempertingkatkan ilmu pengetahuan dalam kalangan murid bagi mencapai standard pendidikan Malaysia masa hadapan.

1.1.2 Kurikulum jQAF

Guru-guru yang mengajar jQAF terdiri daripada graduan-graduan bidang Pengajian Islam dari seluruh negara. Mereka ditawarkan model untuk mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) secara Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) di Institut Perguruan Guru Malaysia (KPM). Kementerian Mata pelajaran Malaysia (KPM) telah menetapkan jangka masa hingga tahun 2010 untuk menjalankan program ini secara menyeluruh di seluruh sekolah rendah di Malaysia. Sehingga kini iaitu pada tahun 2019 setiap negeri tidak terkecuali dari pelaksanaan program ini sejak pertama kali diperkenalkan.

Kurikulum jQAF mempunyai lima buah model yang perlu dilaksanakan. Model tersebut adalah Model Pemulihan Jawi, Model Bahasa Arab, Model Khatam al-Quran, Model Tasmik dan Model Bestari Solat. Program jQAF berhasrat melahirkan murid di sekolah rendah yang boleh membaca al-Quran hingga khatam, menguasai Bahasa Arab, asas-asas Fardu Ain dihayati dan penguasaan tulisan jawi diperkukuhkan

semula di sekolah rendah. Program ini merupakan usaha memperkasakan pelaksanaan Pendidikan Islam di sekolah rendah.

Model Khatam al-Quran ini menggunakan pendekatan kolaborasi. Pengajaran Kolaboratif merupakan satu kaedah yang melibatkan kerjasama secara kolaboratif oleh dua orang guru atau lebih di setiap peringkat pengajaran. Mereka akan merancang dan menyediakan rancangan pengajaran, melaksana dan menilai pencapaian aspek yang ditumpukan dalam mata mata pelajaran secara bersama.

Oleh kerana di dalam sukatan Pendidikan Islam mengikut program jQAF, murid di tahun dua telah mula membaca AL Quran juzuk satu, maka amat wajar kaedah pengajaran ketika itu ditumpukan kepada sekelompok kecil murid melalui kaedah talaqqi musyafahah. Penumpuan yang lebih pada setiap individu memungkinkan murid tersebut mampu menguasai bacaan al-Quran yang dimuridnya.

1.2 Perkembangan Kurikulum Pendidikan Islam

Struktur Pendidikan Islam telah disusun oleh Rasulullah dalam beberapa bentuk iaitu pendidikan umum, pendidikan khusus dan pendidikan institusi. Pendidikan umum dijalankan oleh Rasulullah atau para sahabat dengan menyampaikan pidato selepas solat fardu atau selepas solat Jumaat. Kurikulum pada peringkat ini merangkumi bidang akidah, syariat, muamalat dan lain-lain.

Pendidikan khusus pula ialah pengajaran yang berbentuk khusus yang diberikan oleh baginda kepada orang yang tertentu tanpa mengira tempat dan masa. Sahabat-sahabat Rasulullah seperti Abu Hurairah, Abu Dzar al-Ghiffari, Salman al-Farisi dan Abu Bakar al-Siddiq adalah antara orang yang sering mendapat pendidikan khusus berupa teguran dan tunjuk ajar secara langsung.

Pendidikan institusi pula merupakan inti Pendidikan Islam pada peringkat Madinah. Pendidikan bentuk ini banyak melahirkan cendekiawan Islam pada masa selanjutnya. Di Madinah, pendidikan institusi ini dapat dibahagikan kepada dua struktur. Pertama, pendidikan awal untuk mengenal huruf, menulis dan membaca, dan kedua pendidikan khusus yang dihadiri oleh ahli Suffah. Pendidikan awal iaitu merangkumi peringkat menulis dan membaca. Pada zaman Rasulullah dan sahabat, peringkat ini diberikan kepada kanak-kanak Islam. Sebagai contoh tawanan perang Badar yang tidak mampu menebus diri mereka dengan wang, Rasulullah S.A.W mensyaratkan mereka mengajar menulis dan membaca terhadap 10 orang kanak-kanak Islam di Madinah sehingga pandai untuk proses membebaskan diri tawanan tersebut.

Kurikulum zaman Khulafa al-Rasyidin bukan sahaja memberi penekanan serius terhadap ilmu pengetahuan yang bersifat kerohanian, bahkan juga ilmu pengetahuan yang berbentuk fizikal atau jasmani seperti berenang, menunggang kuda dan memanah. Hal ini jelas dalam perutusan khalifah Umar al-Khattab kepada gabenor-

gabenor wilayah, antaranya menyebut: “*Ajarlah anak-anak kamu berenang, menunggang kuda dan riwayat-riwayat yang baik dan syair-syair yang indah.*”

Kurikulum Pendidikan Islam pada zaman Umayyah pula ialah selain mata pelajaran membaca, menulis dan mata pelajaran al-Quran, mata pelajaran ilmu tafsir, hadis, fikah, bahasa Arab, kesusasteraan Arab juga diajarkan. Kurikulum di zaman Abbasiyah termasuklah akidah dan syariah, ilmu hisab, kimia, astronomi, mantik, falsafah kemanusiaan, sejarah, seni muzik dan seni binaan. Kursus pengajian dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu peringkat permulaan, menengah dan pakar. (Mahayudin, 1998/ 2000)

Kurikulum zaman Umayyah dan Abbasiyah menekankan pembelajaran awal kanak-kanak membaca al-Quran, menulis, mempelajari asas-asas agama, bahasa dan ilmu Hisab. Apabila berjaya, mereka dilatih pula untuk menulis beberapa potongan ayat di atas papan tulis, kemudian disuruh menghafalnya. Kaedah dan teknik tersebut dapat menolong murid menambahkan kemahiran menulis, membaca dan menghafal al-Quran. Para murid biasanya tidak mempunyai buku tulis, kecuali buku bacaan. Kebanyakan yang ditulis terpaksa dihafal, antaranya hadis, sejarah, tatabahasa, kesusasteraan Arab dan ilmu hisab (Mohamad Najib, 2001).

Bukan sahaja kurikulum ilmu fardu ain berjaya dikembangkan ke seluruh wilayah Islam bahkan ilmu fardu kifayah juga diperkenal dan diperkembangkan. Hasil pengorbanan para sahabat dan tabi'in ini, kerajaan Islam berjaya melahirkan ilmuan Islam dalam pelbagai bidang seperti Abu Hanifah, Malik, Syafie dan Ahmad bin Hambal dalam bidang perundangan Islam. Begitu juga al-Khalil, Abdul Qahir al-Jurjani dan al-Jahiz dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Arab (Idris Awang, 1988).

1.2.1 Kurikulum Pendidikan Islam menerusi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam di bina bagi memenuhi keperluan Islam secara holistik, bersepadu dan berkembang serta bersifat autentik selaras dengan keperluan Falsafah pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam yang diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara. Bagi memenuhi keperluan masa kini, kurikulum perlu berubah daripada *knowledge based curriculum* kepada *standard based curriculum*. Pembelajaran berasaskan standard telah diperkenalkan dalam transformasi kurikulum melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mula dilaksanakan pada tahun 2011. Melalui kurikulum ini keberkesanan pengajaran dan pembelajaran amat ditekankan untuk melihat kebolehan murid menghasilkan perubahan tingkah laku setelah berlakunya interaksi antara guru dan murid. Manakala melalui proses pentaksiran, murid akan dapat dinilai dan ditaksir secara lebih holistik, autentik dan dijalankan secara berterusan. Proses Pentaksiran dijalankan secara formatif untuk melihat perkembangan murid mengikut tahap kemahiran dan kebolehan mereka. Manakala

pentaksiran secara sumatif adalah untuk melihat pencapaian murid mengikut gred yang ditetapkan.

Bagi Pendidikan Islam di Malaysia, Kementerian Pendidikan telah menggariskan beberapa ciri utama kurikulum Pendidikan Islam iaitu:

1. Mengekalkan kesinambungan dan keseimbangan di peringkat KSSR dan KSSM.
2. Menjelmakan kesepaduan ilmu.
3. Penggabungan antara Fardu Ain dan Fardu Kifayah.
4. Menekankan pembentukan dan pembangunan insan mulia yang berkeupayaan menyumbang ke arah pembangunan tamadun bangsa dan negara.
5. Penulisan buku teks perlu mengekalkan tradisi penulisan sebenar ilmu Islam dalam penulisan buku teks.

Pelaksanaan Pendidikan Islam dalam Pendidikan Kebangsaan berdasarkan perakuan-perakuan yang terkandung dalam Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960 dan Akta Mata pelajaran 1961. Ketiga-tiga perakuan memperuntukkan supaya matapelajaran Pendidikan Islam diajar di mana-mana sekolah yang didaftarkan apabila terdapat sekurang-kurangnya 15 orang murid beragama Islam.

1.2.2 Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah

Kurikulum Baru Sekolah Rendah telah menjalani tempoh percubaan di 305 buah sekolah seluruh Malaysia pada tahun 1982. Kemudian, pelaksanaan penuh di semua sekolah telah dilaksanakan pada tahun 1983. Pada tahun 1993 penggunaan istilah Kurikulum Baru Sekolah Rendah telah ditukar kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah. Konsep Bersepadu membawa maksud unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai digabungkan, supaya wujud kesepaduan dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Ianya merangkumi aspek teori dan amali serta nilai murni bagi melahirkan insan yang seimbang. Pembelajaran di bilik darjah juga hendaklah diperkukuhkan melalui kokurikulum.

Pendidikan Islam sekolah rendah adalah pendidikan awal untuk memenuhi tuntutan fardu ain. Pendidikan awal yang disediakan ini selaras dengan proses perkembangan intelek, rohani, emosi dan jasmani murid-murid. Kurikulum Pendidikan Islam telah disemak semula untuk memenuhi tuntutan-tuntutan masa kini dan masa hadapan. Sukatan ini menggantikan Sukatan Mata pelajaran Agama Islam Sekolah Rendah, Kementerian Pendidikan Malaysia yang diterbitkan pada tahun 1977 dan dilaksanakan pada tahun 1983.

Tumpuan utama Pendidikan Islam sekolah rendah adalah kepada bidang Asuhan Tilawah al-Quran, bidang Asas Ulum Syariah dan bidang Asas Akhlak Islamiah. Ketiga-tiga bidang ini merupakan fardu ain kepada setiap murid. Murid-murid bukan sahaja dikehendaki mempelajarinya, malahan mereka dikehendaki mengamal dan menghayatinya. Kandungan kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah dibahagikan kepada empat bidang iaitu bidang asuhan tilawah al-Quran, bidang asas ulum syariah, bidang asas akhlak dan bidang mata pelajaran jawi.

1.2.3 Jawi

Salah satu perkara yang dipelajari oleh murid-murid di peringkat sekolah rendah ialah Pendidikan Islam dalam tulisan jawi. Ianya merupakan aspek yang ditekankan melalui kurikulum Pendidikan Islam. Aspek asas jawi membolehkan murid mengecam dan membunyikan huruf jawi iaitu pergerakan mata dan tangan mengikut bentuk huruf, suku kata dan perkataan mudah.

Kedudukan tulisan jawi dalam akta Bahasa Kebangsaan 63/67 Ceraian 9 yang berkuatkuasa mulai April 1963 menyatakan bahawa: “ *Tulisan bagi Bahasa Kebangsaan ialah tulisan rumi, dengan syarat bahawa dengan ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu yang lebih dikenali dengan tulisan jawi bagi Bahasa Kebangsaan.*”

Tulisan jawi mencampurkan huruf-huruf Arab yang terdiri daripada 30 huruf termasuk huruf Hamzah dan Lam Alif, enam huruf bukan Arab yang dicipta oleh orang Melayu yang lazim pada lidah Melayu. Penyelidik menganggap pertambahan huruf tersebut telah memperluaskan lagi kaedah dan teknik penggunaan tulisan jawi dalam Bahasa Melayu.

Manakala kandungan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah dalam bidang mata pelajaran jawi adalah memberi tumpuan kepada:

- a. Menulis tulisan jawi dengan baik
- b. Membaca tulisan jawi dengan lancar
- c. Mempelajari asas seni tulisan jawi

1.2.4 Al-Quran

Al-Quran adalah sebuah kitab Allah s.w.t yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w melalui malaikat Jibril. Maka al-Quran merupakan kitab yang menjadi pegangan dan pedoman bagi setiap umat Islam. Barang siapa yang berpegang teguh dengan al-Quran selama itulah ia tidak akan tersesat dan terpesong dari ajaran Islam yang sebenarnya. Perkara ini jelas dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim yang bermaksud:

“Aku tinggalkan untuk kalian dua perkara, kalian tidak akan tersesat selama berpegang dengannya iaitu Kitabullah (al-Quran) dan Sunah Rasulullah Sallallah Alaihiwasallam” (Riwayat Muslim).

Selain itu al-Quran juga mempunyai dua kelebihan yang amat tinggi dan mendapat ganjaran pahala, apabila membacanya sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Al-Turmizi yang bermaksud;

Barangsiapa yang membaca satu huruf dari al-Quran maka baginya satu pahala dan satu pahala diganda sepuluh kali ganda. Aku (Rasulullah) tidak mengatakan Alif Lam Mim itu satu huruf tetapi alif itu satu huruf, lam itu satu huruf dan mim itu satu huruf” (Riwayat At-Turmizi)

Maka dalam kajian ini dua perkataan tersebut disatukan iaitu pendidikan al-Quran bermaksud bagaimana mata pelajaran al-Quran dan yang berhubung kait dengannya, diselenggarakan atau diajarkan kepada murid-murid dan apakah cara yang berkesan untuk disampaikan kepada murid-murid. Kandungan kurikulum bidang asuhan tilawah al-Quran ini memberi tumpuan kepada:

- a. Membaca ayat-ayat al-Quran dengan betul dan fasih
- b. Menghafaz ayat-ayat al-Quran tertentu dengan betul dan fasih
- c. Memahami pengertian surah-surah tertentu daripada juzu’ Amma dan menghayati pengajarannya.

1.2.5 Fardu Ain

Di dalam KSSR program Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) telah diperkenalkan. Begitu juga kurikulum bidang asas Ulum Syariah yang memberi tumpuan untuk penanaman akidah serta pengetahuan mengenai peraturan ibadat. Percontohan dan pengambilan iktibar daripada sirah Rasulullah S.A.W juga dimasukkan dalam sukatan ini.

1.2.6 Kurikulum Pendidikan Islam KSSR (semakan 2017) kurikulum terkini BPK Bahagian Dokumen

Menyentuh mengenai kurikulum pengajaran agama Islam di Malaysia, perubahan demi perubahan telah dilakukan oleh KPM demi meningkatkan hasrat falsafah dan matlamat Pendidikan Islam. Jemaah menteri dalam mesyuaratnya pada 27 Januari 1999, telah meminta supaya Kementerian Pendidikan menyemak semula kurikulum Pendidikan Islam dan memberi penekanan kepada kandungan teks kurikulum dan kaedah dan teknik penyampaian yang lebih berkesan kepada murid-murid sekolah. Kali terakhir kurikulum Pendidikan Islam telah disemak pada tahun 1996.

Mata mata pelajaran Pendidikan Islam Teras KBSR mula diperkenalkan pada tahun 1983. Kurikulum Pendidikan Islam KBSR ini telah disemak pada 1996. Pada tahun 2000 kurikulum Pendidikan Islam ini disemak sekali lagi dengan memberi tumpuan kepada kandungan kurikulum dan kaedah dan teknik pengajaran.

Apabila melihat buku panduan Keperihalhan Dasar dan Prinsip Kurikulum Semakan tahun 2003 bagi Pendidikan Islam dan Bahasa Arab KBSR/KBSM, mulai tahun 2003 Kementerian Pendidikan juga telah melakukan beberapa perubahan dalam kurikulum Pendidikan Islam bertujuan menjadikannya sejajar dengan perkembangan semasa dan membolehkan perubahan dalam pedagogi.

Status mata mata pelajaran ini adalah mata mata pelajaran teras yang wajib diambil oleh semua murid Islam. Bagi mata mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah peruntukan masa ialah 180 minit seminggu yang boleh dibahagikan kepada enam waktu dengan 30 minit setiap waktu. Mata pelajaran ini diambil oleh semua murid Islam daripada tahun satu hingga tahun enam.

Terdapat pebagai objektif dalam PdP Pendidikan Islam. Antara objektifnya ialah murid dapat membaca surah-surah terpilih daripada juzuk Amma dengan betul dan fasih, untuk memupuk minat membaca al-Quran dan menjadi amalan. Seterusnya, Menghafaz ayat-ayat lazim yang terpilih untuk bacaan dalam solat dan ibadat harian. Selain itu, murid dapat memahami maksud beberapa surah yang dimuridi dan menghayati pengajarannya ke arah meyakini al-Quran sebagai rujukan petunjuk Allah. Memahami dan meyakini asas-asas keimanan sebagai pegangan akidah dan benteng keagamaan. Di samping itu, murid dapat mengamalkan ibadat-ibadat asas dalam Fardu Ain serta memahami Fardu Kifayah sebagai tuntutan kewajipan umat Islam. Melalui PdP pendidikan Islam murid juga dapat memahami dan mengambil iktibar dengan sirah Rasulullah S.A.W sebagai asas perkembangan tamadun manusia. Seterusnya, murid dapat mengamalkan adab dan menghayati nilai-nilai akhlak dalam kehidupan seharian. Murid juga dapat membaca dan menulis Jawi serta mencintainya sebagai warisan budaya bangsa.

Kandungan kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah (Semakan) dibahagikan kepada empat bidang iaitu:

a. Bidang Asuhan Tilawah al-Quran

Bidang ini memberi tumpuan kepada :

1. Membaca ayat-ayat al-Quran dengan betul dan fasih.
2. Menghafaz ayat-ayat al-Quran tertentu dengan betul dan fasih.
3. Memahami pengertian surah-surah tertentu daripada juzuk Amma (juzuk 30) dan menghayati pengajarannya.

b. Bidang Asas Ulum Shariah

Bidang ini memberi tumpuan kepada :-

1. Penanaman akidah, pembentukan sikap dan tanggungjawab terhadap Allah S.W.T.
2. Pengetahuan mengenai peraturan ibadat yang ditentukan oleh Allah S.W.T dan melaksanakannya.
3. Percontohan dan pengambilan iktibar daripada sirah Rasulullah S.A.W. Implikasi akidah, ibadah dan sirah dari segi tanggungjawab terhadap diri.
4. Implikasi akidah, ibadah dan sirah dari segi tanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara.

c. Bidang Asas Akhlak Islamiah

Bidang ini memberi tumpuan kepada :-

1. Kepatuhan terhadap peraturan dan cara hidup Muslim dalam hubungannya dengan Allah S.W.T dan Rasulullah S.A.W.
2. Kepatuhan terhadap peraturan dan tatacara perhubungan manusia dengan diri sendiri, keluarga, alam sekitar, masyarakat dan negara

d. Bidang Mata pelajaran Jawi

Bidang ini memberi tumpuan kepada :-

1. Menulis tulisan Jawi dengan baik.
2. Membaca tulisan Jawi dengan lancar.
3. Mempelajari asas seni tulisan Jawi.

Setelah dikaji, terdapat perbezaan kurikulum KBSR Pendidikan Islam lama (1983-2002) dan KKSAR, iaitu seperti:

- a. Penambahan bidang mata pelajaran jawi yang mengandungi aspek tulisan dan bacaan di peringkat KSSR dan di peringkat KSSM, di mana sebelum ini bidang jawi hanya digabungkan dalam mata mata pelajaran Pendidikan Islam. Mata pelajaran jawi telah dimasukkan sebagai satu cabang ilmu serta pengekalan warisan budaya bangsa dalam kurikulum.
- b. Tumpuan kurikulum ialah kepada pemupukan asas al-Quran, penguasaan mata pelajaran jawi, penanaman akidah, bimbingan asas fardu ain dan fardu kifayah.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini dilaksanakan kerana masalah yang melibatkan kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran membaca al Quran. Iaitu ketidakupayaan mereka menguasai tahap kemahiran membaca al quran yang bertepatan dengan hukum *tajwid, makraj, sifat dan fasahah yang baik*. Masalah ini yang sebenarnya dihadapi oleh pelajar di peringkat sekolah rendah hingga ke institusi-intitusi pengajian tinggi dan menyebabkan mereka tidak mampu mengkhataam al Quran. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral telah merangka program jQAF bagi memantap dan memperkasa Pendidikan Islam di sekolah rendah satu program khas telah diwujudkan iaitu program jQAF. Menerusi Program jQAF terdapat lima model diperkenalkan, antaranya model khatam Al Quran iaitu semua murid perlu khatam Al Quran di peringkat sekolah rendah.

Pelaksanaan kurikulum jQAF sekolah rendah dilaksanakan adalah bertujuan untuk membolehkan murid membaca al-Quran dan khatam al-Quran pada Tahun Enam (Sabariah Bahron, 2012). Namun di sebalik tujuan yang ideal tersebut, timbul masalah antaranya ialah guru Pendidikan Islam yang dibekalkan tidak mencukupi untuk pelaksanaan khatam al-Quran jQAF secara kolaborasi, (KPM 2016). Norma guru yang ditetapkan bagi model khatam Al Quran ini adalah tiga orang guru dalam satu aktiviti PdP (KPM 2005). Hal ini menyebabkan pengajaran bacaan al-Quran secara kolaborasi tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Situasi ini terjadi kerana guru-guru Pendidikan Islam di sekolah yang dikaji masih tidak mencukupi bilangan guru seperti norma yang telah ditetapkan Menteri Pelajaran Dr Hj Mohd Fuad Bin Zarkashi (2012). Guru Pendidikan Islam yang berkesan adalah guru yang mampu menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar dengan baik sekaligus mampu mencapai objektif pengajaran (Mohd Izzuddin, 2016).

Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan seperti Mohd Naim (2003), Mohd Aderi (2004) juga Aderi dan Rohani (2009) yang memfokuskan tentang kelemahan penguasaan kemahiran membaca al Quran di kalangan pelajar walaupun mereka telah melalui enam tahun pembelajaran di sekolah rendah. Ia menyokong hasil dapatan kajian Mohd Faisal (2008), pelajar yang mengikuti model Enam Bulan Khatam al Quran menunjukkan 75.8 % mencapai objektif dan 15% masih tidak boleh menguasai bacaan al Quran. Ini menunjukkan masalah kelemahan dalam penguasaan bacaan al quran di kalangan pelajar masih terus berlanjutan walaupun melalui pelaksanaan program j QAF.

Dalam program jQAF Pendidikan Islam, al-Quran, Bahasa Arab dan lain-lain telah dihuraikan dengan jelas. Dalam pelaksanaan model khatam al-Quran, didapati kajian lepas tidak mendalami kaedah kolaborasi dengan jelas. Dapatan kajian juga menunjukkan banyak sekolah tidak dapat mengaplikasikan PdP secara berpasukan di antara GPI dan dua atau tiga orang guru jQAF. Ini lah punca permasalahan utama dalam perihal penguasaan bacaan al Quran sehingga khatam. Hal ini telah dikenal pasti bahawa guru tidak sepakat menjalankan kaedah ini. Guru lebih selesa mengajar

murid masing-masing, di samping pengetahuan yang tidak mencukupi tentang kepentingan kaedah ini (Hanunah, 2007).

Oleh sebab itu penyelidik terpenggil dan bertanggungjawab untuk mengkaji pelaksanaan kaedah talaqi musyafahah secara kolaborasi sepenuhnya dilaksanakan. Kelemahan ini boleh diatasi dengan meneliti dan mengenal pasti permasalahan ini dan mencari jalan penyelesaiannya supaya program ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin demi untuk agama, bangsa dan negara tercinta.

Daripada tinjauan penyelidik lagi, prestasi pelajaran Pendidikan Islam sama ada jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan fardu ain sebelum ini masih belum mencapai tahap yang memuaskan dalam kalangan murid-murid (Sabariah, 2012). Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Bhasah, Mohd Nafiruddin, Abdul Jadid, Safaruddin, Azlan, Mohd Yusof dan Mahyudddin (2012) dalam kajian mereka mengenai persepsi pelajar tingkatan 1 terhadap keberkesanan program j-QAF mendapati bahawa aspek pembelajaran al-Quran masih lagi belum begitu mantap dan memerlukan sesuatu kaedah yang lebih berkesan lagi. Terutamanya dalam aspek program khatam al-Quran yang menggunakan pendekatan kolaborasi. Kegagalan ini mungkin bukan hanya disebabkan oleh faktor kelemahan pengajaran guru malah juga disebabkan faktor lain seperti masalah-masalah berpunca daripada murid, sekolah, ibu bapa dan persekitaran. Namun terdapat peningkatan minat dan pencapaian murid dalam kemahiran bacaan al-Quran setelah menjalani sepuluh minggu ujian dan latihan amali serta tasmik bacaan Quran. Peningkatan markah sehingga lima peratus telah dapat dicapai oleh kumpulan murid ini. Kajian ini merumuskan bahawa kekurangan dan kelemahan murid dalam bacaan Quran boleh diperbaiki dengan adanya perancangan, pelaksanaan, Kaedah Talaqqi Musyafaha, dan Penggunaan BBM, dalam model khatam al-Quran jQAF menggunakan pendekatan kolaborasi bagi matapelajaran Pendidikan Islam..

Namun, banyak pihak seperti pentadbir sekolah, guru-guru malah guru jQAF sendiri masih kurang pengetahuan dan pengalaman tentang program ini. Khususnya dalam aspek pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan lebih daripada seorang guru mengajar dalam satu kelas. Melalui kaedah kolaborasi ini, ada terdapat hubungan yang signifikan antara prestasi markah murid, bacaan al-Quran dan bacaan solat dalam model Khatam al-Quran. Jadi, kajian ini juga adalah untuk meninjau masalah yang timbul dan cadangan meningkatkan keberkesanan pendekatan kolaborasi dalam model khatam al-Quran jQAF demi memperkasakan lagi mata mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah juga murid berjaya khatam al-Quran 30 juzu' setelah tamat pembelajaran di sekolah rendah.

Berdasarkan Mohd Izzuddin (2016), penekanan yang lebih perlu diberikan oleh guru jQAF dalam melaksanakan Model Khatam Al-Quran dan Model Tasmik agar murid-murid Islam di sekolah dapat mengkhatamkan al-Quran sebelum menjejakkan kaki ke sekolah menengah. Hal demikian membuktikan bahawa masih terdapat ruang-ruang kosong atau tinggalan yang tidak disentuh dalam kajian terdahulu khususnya hubungan pendekatan kolaboratif terhadap pencapaian bagi satu program pendidikan

Islam sekolah rendah di Semenanjung Malaysia menyebabkan kajian ini harus dijalankan. Kajian yang dijalankan merangkumi tahap perancangan, pelaksanaan, kaedah Talaqqi Musyafahah, dan Penggunaan BBM dalam model khatam al-Quran jQAF menggunakan pendekatan kolaborasi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Masalah yang kedua dikenal pasti adalah perbezaan tahap perancangan, perbezaan tahap pelaksanaan, perbezaan pengajaran berpasangan, perbezaan tahap penggunaan BBM dan perbezaan kaedah Talaqqi Musyafahah dalam Program al-Quran jQAF berdasarkan pengalaman mengajar. Hal ini demikian kerana sekiranya guru yang mempunyai pengalaman mengajar sudah pasti murid akan lebih memahami al-Quran secara talaqqi musyafahah.

Selain itu, masalah hubungan perancangan, hubungan pelaksanaan, hubungan pengajaran berpasangan, hubungan penggunaan BBM berpasangan dan hubungan kaedah Talaqqi Musyafahah dalam program khatam al-Quran jQAF terhadap pencapaian juga turut dikaji dalam kajian ini. Dalam hal ini, hubungan yang dinyatakan diketengahkan untuk melihat sama ada pencapaian murid meningkat ataupun tidak. Menurut Zahiah Haris dan Mustapha Kamal Ahmad Kassim (2011), guru-guru Pendidikan Islam disarankan untuk menggunakan beberapa kaedah yang sesuai semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan keberkesanan pengajaran. Selain itu, pentaksiran juga diperlukan bagi membuat penilaian terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan ketika sebelum, ketika, dan selepas pengajaran dan pembelajaran agar guru mengetahui tahap pencapaian yang mereka capai. Zahiah Haris dan Mustapha Kamal Ahmad Kassim (2011) juga menyatakan bahawa kaedah berkesan yang dicadangkan untuk bidang Tilawah Al-Quran dan Hafazan ialah talaqqi musyafahah, tikkar, hafazan, dan tasmik. Kaedah talaqqi musyafahah ialah dengan guru berada di hadapan pelajar dan menunjukkan cara membaca ayat-ayat al-Quran supaya pelajar dapat melihat cara yang betul melalui pergerakan mulut dan bibir guru. Manakala kaedah tikkar pula ialah guru meminta pelajar mengulang beberapa kali bacaan al-Quran agar mudah mengingat dan menghafaznya.

Seterusnya, pengaruh perancangan pelaksanaan pengajaran kolaboratif penggunaan BBM dan kaedah Talaqqi Musyafahah dalam program khatam al-Quran jQAF terhadap pencapaian juga turut dikaji. Hal ini demikian kerana, penyelidik ingin melihat aspek manakah yang lebih mempengaruhi pencapaian murid sama ada perancangan pelaksanaan pengajaran kolaboratif penggunaan BBM dan kaedah Talaqqi Musyafahah dalam program khatam al-Quran jQAF. Dalam pengajaran kolaboratif, guru saling bergantung untuk member dan menerima idea/maklumat, sokongan moral dan galakan apabila menghadapi kesukaran samada secara peribadi atau professional (Hargreaves, 1995).

1.4 Tujuan Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana kaedah kolaborasi dilaksanakan dalam PdP model khatam al-Quran jQAF di kalangan guru Pendidikan Islam, tahap penggunaan teknik kolaboratif dan kemahiran teknik

kolaboratif dalam kalangan guru Pendidikan Islam serta hubungannya dengan pencapaian model khatam al-Quran jQAF di semenanjung Malaysia.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai persepsi terhadap keberkesanan pelaksanaan salah satu model jQAF yang diperkenalkan, iaitu Program Khatam al-Quran yang melibatkan perlaksanaan PdP menerusi pendekatan kolaborasi.

Berdasarkan kepada tujuan kajian, objektif kajian ini dispesifikasikan seperti berikut :

1. Mengenal pasti tahap perancangan, pelaksanaan, kaedah Talaqqi Musyafaha, dan Penggunaan BBM, dalam model khatam al-Quran jQAF menggunakan pendekatan kolaborasi bagi mata mata pelajaran Pendidikan Islam.
2. Mengenal pasti adakah terdapat perbezaan perancangan, perbezaan pelaksanaan, perbezaan pengajaran berpasangan, perbezaan penggunaan BBM dan perbezaan kaedah Talaqqi Musyafahah dalam Program al-Quran jQAF berdasarkan pengalaman mengajar.
3. Mengenal pasti adakah terdapat hubungan perancangan, hubungan pelaksanaan, hubungan pengajaran berpasangan, hubungan penggunaan BBM berpasangan dan hubungan kaedah Talaqqi Musyafahah dalam program khatam al-Quran jQAF terhadap pencapaian.
4. Mengenal pasti pengaruh perancangan, pelaksanaan, pengajaran kolaboratif penggunaan BBM dan kaedah Talaqqi Musyafahah dalam program khatam al-Quran jQAF terhadap pencapaian.

1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan utama berdasarkan kepada objektif kajian yang dinyatakan. Bagi tujuan tersebut, kajian ini mengemukakan beberapa persoalan kajian iaitu:

1. Apakah tahap perancangan, pelaksanaan, Kaedah Talaqqi Musyafaha, dan Penggunaan BBM, dalam model khatam al-Quran jQAF menggunakan pendekatan kolaborasi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam?
2. Adakah terdapat perbezaan tahap perancangan dalam Program al-Quran jQAF berdasarkan pengalaman mengajar?
3. Adakah terdapat perbezaan tahap pelaksanaan dalam Program al-Quran jQAF berdasarkan pengalaman mengajar?
4. Adakah terdapat perbezaan pengajaran berpasangan dalam Program khatam al-Quran jQAF berdasarkan pengalaman mengajar?
5. Adakah terdapat perbezaan tahap Penggunaan BBM dalam Program khatam al-Quran jQAF berdasarkan pengalaman mengajar?

6. Adakah terdapat perbezaan talaqqi musyafaha dalam Program al-Quran jQAF berdasarkan pengalaman mengajar?
7. Adakah terdapat hubungan perancangan dalam program khatam al-Quran jQAF terhadap pencapaian?
8. Adakah terdapat hubungan pelaksanaan dalam khatam al-Quran jQAF terhadap pencapaian?
9. Adakah terdapat hubungan pengajaran berpasangan dalam program khatam al-Quran jQAF terhadap pencapaian?
10. Adakah terdapat hubungan penggunaan BBM berpasangan dalam program khatam al-Quran jQAF terhadap pencapaian?
11. Adakah terdapat hubungan kaedah talaqqi musyafaha dalam program khatam al-Quran jQAF terhadap pencapaian?
12. Adakah perancangan, pelaksanaan, pengajaran kolaboratif, penggunaan BBM dan kaedah Talaqqi Musyafahah dalam program khatam al-Quran jQAF mempengaruhi pencapaian murid.

1.7 Hipotesis kajian

- Ha1 Terdapat perbezaan tahap perancangan, tahap pelaksanaan, tahap pengajaran berpasangan, tahap penggunaan BBM dan tahap penggunaan kaedah Talaqqi musyafahah dalam Program al-Quran jQAF berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ha2 Terdapat hubungan yang signifikan antara perancangan, pelaksanaan, pengajaran berpasangan, penggunaan BBM berpasangan dan kaedah Talaqqi Musyafahah dalam program khatam al-Quran jQAF dengan pencapaian.
- Ha3 Terdapat pengaruh perancangan pelaksanaan pengajaran kolaboratif penggunaan BBM dan kaedah Talaqqi Musyafahah dalam program khatam al-Quran jQAF terhadap pencapaian.

1.8 Signifikan Kajian

Kajian ini dapat mengemukakan secara jelas tentang teknik kolaborasi dalam konteks model khatam al-Quran jQAF. Teknik kolaboratif merupakan satu aspek penting dalam pendidikan negara. Di mana teknik ini bukan sahaja boleh diaplikasikan dalam model khatam al Quran malah sangat baik jika boleh diaplikasikan dalam mata mata pelajaran lain.

Selain dari itu teknik kolaborasi ini juga boleh dilaksanakan bagi kelas yang mempunyai bilangan murid lebih dari 20 orang dengan menggunakan kiraan norma yang akan di tentukan. Ini kerana apabila pengajaran oleh guru kepada sekumpulan

bilangan murid yang lebih kecil, tumpuan dan objektif pengajaran lebih mudah dicapai.

Hasil kajian ini akan memberi maklum balas kepada KPM kepentingan mengajar secara kolaborasi dalam program khatam al-Quran jQAF menggunakan norma tersendiri iaitu 1:15n berbanding dengan mata mata pelajaran lain yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara.

Kajian ini dijalankan untuk memberikan gambaran tentang senario yang sedang dihadapi oleh Guru jQAF yang terlibat sebagai pelaksana kurikulum jQAF, terutama dalam topik yang dikaji oleh penyelidik iaitu pendekatan kolaborasi dalam model khatam al-Quran. Kajian ini juga turut meninjau masalah dan kekangan yang dihadapi oleh guru jQAF dalam pelaksanaan program jQAF.

Dapatan daripada kajian ini diharap akan dapat:

- i. Menjadi panduan kepada pihak sekolah, guru-guru pendidikan Islam, guru-guru jQAF dan Guru Besar untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran mengendalikan program ini ke arah yang lebih mantap. Membantu Jabatan Mata pelajaran Negeri di seluruh negara untuk merancang, mengurus dan melaksanakan program jQAF secepat mungkin.
- ii. Memberi maklumat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengesan ke akar umbi masalah yang dihadapi oleh seluruh jentera pelaksana kurikulum j- QAF dan model khatam al-Quran khasnya.
- iii. Memberi maklumat kepada ibu bapa untuk lebih memahami program ini seterusnya sama-sama membantu menjayakan program ini.
- iv. Menanamkan kesedaran dan minat masyarakat terhadap pengajaran Pendidikan Islam kearah pembentukan peribadi insan kamil.

1.9 Batasan Kajian

Pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah melalui Program jQAF adalah amat luas jika hendak dikaji kepentingannya dan ruang lingkup pelaksanaannya. Namun penyelidik hanya membataskan kajian kepada pelaksanaan pengajaran model Khatam al-Quran menggunakan pendekatan kolaborasi. Melalui soal selidik penyelidik cuba meninjau adakah program ini penting dilaksanakan, sejauh manakah komitmen guru, sekolah, penggunaan BBM, kaedah dan teknik mengajar dan prestasi pelaksanaan model khatam al-Quran sahaja.

Pemilihan sampel adalah secara rawak berstrata bernisbah (*proportionate stratified sampling*). Penyelidik telah melaksanakan kajian berbentuk soal selidik terhadap guru-guru pendidikan Islam di 12 buah negeri, iaitu negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu,

dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jumlah populasi guru pendidikan Islam tersebut adalah seramai 28, 405 orang.

Responden kajian terbatas kepada guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia sahaja. Penyelidik tidak melibatkan murid kerana maklumat pencapaian murid adalah bersumberkan daripada rekod guru. Selain itu, pengkaji juga ingin mengelakkan dari mengganggu proses PdP yang telah diaturkan oleh pihak sekolah.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui borang soal selidik. Oleh yang demikian, segala maklumat berkaitan responden adalah berdasarkan maklum balas soal selidik yang disediakan. Justeru, kebolehpercayaan dapatan kajian bergantung pada kesungguhan dan keikhlasan responden menjawab item-item di dalam borang soal selidik.

1.10 Definisi Operasional

Definisi operasional merupakan definisi yang diberikan untuk menghuraikan pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian. Terdapat beberapa pemboleh ubah kajian yang perlu dihurai dan diperjelaskan definisi operasionalnya berdasarkan penggunaan dalam konteks kajian ini. Definisi-definisi operasional yang diguna pakai bagi keseluruhan kajian adalah seperti berikut:

1.10.1 Model Khatam al-Quran

Model ini adalah komponen pertama dalam model khatam al-Quran. Ia dilaksanakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dengan menggunakan peruntukan waktu Pendidikan Islam sedia ada. Model ini akan menggunakan pendekatan *talaqqi dan musyafahah* (iaitu satu kaedah dan teknik pembelajaran secara bersemuka dengan guru bagi mendengar, membetul kesalahan dan menyebut semula dengan baik dan lancar). Murid yang belum menguasai bacaan al-Quran dibimbing dengan kaedah dan teknik Iqra', sementara yang telah menguasainya diteruskan menggunakan Model Khatam Quran.

Dalam kajian ini, para murid akan mengikuti aktiviti Model Khatam al-Quran sepanjang tahun mengikut jadual waktu yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.

1.10.2 Pendekatan Kolaborasi

Pembelajaran secara kolaboratif telah menjadi satu metodologi dalam sistem pendidikan di mana perkara ini menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran (Rafiza, 2013). Menurut Nunan (1992), pengajaran sebenar yang dilaksanakan secara kolaboratif oleh dua orang guru yang sama atau berbeza disiplin

kepada sekumpulan murid dalam kelas yang sama atau berbeza disiplin kepada sekumpulan murid dalam kelas yang sama pada waktu yang sama. Urusan pengajaran seperti ini menekankan perkongsian bersama agihan kuasa dan membuat keputusan antara guru-guru tersebut. Manakala Hargreaves, (2000) dalam pengajaran kolaboratif, guru saling bergantung untuk memberi dan menerima idea/maklumat, sokongan moral dan galakan apabila menghadapi kesukaran samada secara peribadi atau professional.

Membentuk budaya berkerja secara kolaborasi dapat mengurangkan perasaan pengasingan guru-guru serta menggalakkan penyusunan dan perkongsian amalan-amalan yang berjaya serta sokongan antara seorang guru dengan rakannya (Fullan, 2001).

Menurut Campbell dan Harris (2001), pasukan kurikulum sekolah juga berkolaborasi bagi menentukan pengajaran dan pembelajaran bertema. Setiap orang disekolah belajar menggunakan kekuatan serta pengetahuan dan meminta bantuan dari orang lain.

Dalam kajian ini, perkara yang dikaji adalah proses kolaborasi yang melibatkan kerjasama oleh dua orang guru atau lebih di setiap peringkat pengajaran. Mereka akan merancang dan menyediakan rancangan pengajaran, melaksana dan menilai pencapaian aspek yang ditumpukan dalam mata mata pelajaran secara bersama.


1.10.3 Pelaksanaan

Pelaksanaan kaedah ini adalah untuk membantu murid supaya dapat membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid serta dapat menghabiskan bacaan al-Quran daripada juzuk 1 hingga khatam.

Menurut Soekanto (2014), pelaksanaan adalah satu proses yang dimulai dari proses perencanaan pengaturan, pengawasan, penggerak sehingga tercapainya tujuan.

Dalam kajian ini, pelaksanaan adalah merujuk kepada teknik pengajaran kolaborasi dalam PdP model khatam al-Quran jQAF.

1.11 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1 menerangkan keseluruhan kajian ini. Berdasarkan kerangka konseptual tersebut, terdapat dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar ialah pemboleh ubah yang dimodifikasikan. Manakala pemboleh ubah bersandar pula ialah pemboleh ubah yang menerima kesan daripada hasil pendekatan yang digunakan. Pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini terdiri daripada Tahap perancangan, pelaksanaan, Kaedah Talaqqi Musyafaha, Penggunaan BBM, Pendekatan Kolaborasi yang diukur dalam bentuk soal selidik. Pemboleh ubah bersandar pula ialah pencapaian bacaan al-Quran.

1.12 Rumusan

Bab ini membincangkan secara terperinci mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi operasional setiap pemboleh ubah yang dikaji. Selain itu juga, kerangka konseptual kajian juga turut dibincangkan dalam bab ini.

Bab kedua pula menjelaskan pemboleh ubah yang dikaji secara lebih lanjut. Kajian yang berkenaan diulas bersesuaian dengan keperluan kajian ini. Perbincangan tentang pemboleh ubah kajian bukan sahaja penting untuk memberi kefahaman yang lebih jelas kepada pembaca, malahan menjadi pendokong kepada keperluan keseluruhan kajian.



RUJUKAN

Al-Quran

Al-Quran al-Karim Mashaf 'Uthmani.

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran (2001), Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Ab. Rahim Selamat (2005), *Pengurusan Disiplin*. Selangor: UNISEL.

Ab. Rahim Selamat (2005), *Pengurusan Sekolah Bestari: Satu Pengenalan*. Johor Bharu: Badan Cemerlang Sdn. Bhd.

Abd. Samat Musa, Hazleena Baharun dan Abdul Karim Abdullah (2004), *Islamic Studies in World Institutions of Higher Learning*. Kuala Lumpur: Islamic University College of Malaysia (KUIM).

Abdul Aziz Mat Jais (2000), "Pelaksanaan Aktiviti Dakwah dan Kokurikulum Pendidikan Islam Serta Penghayatannya di Kalangan Murid Daerah Kinta Ipoh-Satu Tinjauan" (Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Abdul Halim bin Haji Mat Diah (1989), *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Abdul Halim Haji Mat Diah (1987), "Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi" (offset). (Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya).

Ab Halim Tamuri (2004). Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ke Atas Pembangunan Diri Pelajar, Bangi: Fakulti Pendidikan UKM & Putrajaya: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia

Abdul Halim Mat Diah (2007), "Pembinaan Modal Insan Menurut Bimbingan al-Quran" (Kertas Kerja Konvensyen al-Quran di Kompleks Persekutuan Kota Kinabalu, 30 Jun 2007).

Abdul Majid Hasan, M. Asrar Sidon, Abd. Satar Mohd dan Fadhil Solahudin (2000), *Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dengan Berkesan Dapat Menarik Minat Murid dalam Mata Mata pelajaran Jawi*. Bil 4. Sabah: Maktab Perguruan Kent.

Abdul Malek bin Haji Mohd Tahir & Siti Zohara binti Yassin (1999), *Persepsi Guru Pelatih Terhadap Pementoran oleh Mentor (guru pembimbing) Semasa Praktikum Semester 6*. Jurnal Penyelidikan. Kuching : Maktab Perguruan Batu Lintang.

- Abdul Malek bin Haji Mohd Tahir (1998), *Mentor Qualities and the Mentoring Process : An Experience In Batu Lintang Teachers' Training College*. Jurnal Penyelidikan. Kuching: Maktab Perguruan Batu Lintang.
- Abdullah al-Amin al-Na'miy (1994), *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun dan al-Qabisi*, (terj. Mohd. Ramzi Omar). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Muhammad Zin, Zulkiplie Abd. Ghani dan Abdul Ghafar Hj. Don (2005), *Pendidikan Islam di Malaysia Dari Pondok ke Universiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahim bin Abdul Rahman (2002), *Ke Arah Pembelajaran Tahun Satu Yang Lebih Berkesan*. Jld 1. Pahang: Maktab Perguruan Tengku Ampuan Afzan.
- Abdul Rahman Rashid (1995), *Kepentingan Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa*. Jurnal Teknologi Pendidikan. Kuala Lumpur: KPM.
- Abdul Samat Musa (1974), "Sistem Pendidikan Islam Di Kelantan Selepas Merdeka" (Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Aboebakar, H. (1973), *Sejarah al-Quran*. Edisi Malaysia. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ahmad Burak (1989), "Kebolehan Membaca Jawi dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah" (Kajian Ilmiah, Institut Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim).
- Ahmad Mohd. Salleh (1997/2004), *Pendidikan Islam: Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Edisi Semakan. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Akademi Pengajian Islam (2006), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Alistair, R.(2000), *Curriculum : Construction and Critique*. London: Falmer Press.
- Allan A. Glatthorn (2004), *Developing a Quality Curriculum*. Long Grove. Amerika : Waveland Press.
- Amaratunga, Dilanthi & Baldry, David & Sarshar, Marjan & Newton, Rita. (2002). Quantitative and qualitative research in the built environment: Application of 'mixed' research approach.
- Amri bin Daud (2005), "Kajian Keberkesanan Perlaksanaan Program jQAF di Dua Buah Sekolah Rintis di Terengganu" (Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya).
- Anderson, E. M. , & Shannon, A. L. (1988). *Toward a Conceptualization of Mentoring* Journal of Teacher Education. Jld. 39, 38-42.

- Arbak Othman (1985), *Mengajar Tatabahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aristotle. (1925). *The nicomachean ethics*. Oxford: Oxford University Press.
- Arma Aru (1996), “Cara Pelaksanaan Kaedah Iqra’ Tahap 1 dan 3” (Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Arsiah Binti Bahrin (2006), “Kesan Empowermen Psikologi Ke Atas Kepuasan Kerja, Komitmen Organisasi dan Kelakuan Kewargaan Organisasi” (Disertasi Doktor Falsafah, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia)
- Ary, Donald, Lucy Cheser Jacobs and Asghar Razavieh (2002), *Introduction to Research in Education*. Edisi 6. Belmont CA: Wadsworth.
- Asad Awang (1992), “Pembinaan dan Penggunaan Alat Bantu Mengajar Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Azlan Syah Perak” (Tesis Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya) .
- Asad Awang (1995), “Kesan Penggunaan Alat Bantu Mengajar Terhadap Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab Murid Tingkatan Satu di Sebuah Sekolah” (Laporan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya).
- As’ad Humam (1997), *Iqra’ Cara Cepat Belajar Membaca al-Quran Rasm Uthmani*. Puchong: Darul Kitab Sdn. Bhd.
- Atan Long (1980), *Pedagogi: Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Atan Long (1988), *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh, Arfah Abdul Aziz, Abdul Rahim Mohd Yusof, Fatimah Hamid Don dan Khoo Phon Sai (1978). “A Critical Review of Research in Malaysia on Effectiveness of Teacher” (Universiti Malaya).
- Azhar Mad Aros, Azharudin Mohd. Dali, Arba’iyah Mohd. Noor & Salina Zainol (2000), *Titas 1*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Azizi Ahmad (2007), *Pengukuran dan Penilaian dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Unitem Sdn. Bhd.
- Bahagian Pendidikan Guru (2002), *Garis Panduan Praktikum Latihan Perguruan Program Praperkhidmatan Mode Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah*. Kuala Lumpur: KPM.
- Bahagian Pendidikan Guru (2005), *Garis Panduan Praktikum Latihan Perguruan Praperkhidmatan Mode Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah*. Putrajaya: KPM

- Bahagian Pendidikan Guru (2006), *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru*, Jilid 2. Kuala Lumpur: Kementerian Mata pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Guru (1996), *Mentor Training For School-college Partnership*. Kuala Lumpur: KPM.
- Bahagian Pendidikan Guru (1996), *Pukal Latihan Kaedah Pengajaran Tatabahasa Arab*. Kuala Lumpur: KPM
- Bahagian Pendidikan Guru (1999), *Pukal Latihan. Helping Novices to Learn Through Experienced Support Teachers*. Kuala Lumpur: KPM.
- Bahagian Pendidikan Guru (2005), *Pendidikan al-Quran Minor Modul 2/3 Unit 3/6 KPLI SR LPBS*. Kuala Lumpur: KPM.
- Bahagian Pendidikan Guru (1999), *Peraturan Maktab Pendidikan Guru (Peperiksaan, Penilaian dan Pensijilan)*, Kuala Lumpur: KPM.
- Bahagian Pendidikan Guru (2001), *Sukatan Mata pelajaran Kursus Perguruan Lepas Ijazah: Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: KPM.
- Baumert, J., Kunter, M., Blum, W., Voss, T., & Jordan, A. et al. (2009). *Teachers' Mathematical Knowledge, Cognitive Activation in Classroom and Student Progress*. *American Educational Research Journal*, 47(1), 133-180. <http://dx.doi.org/10.3102/0002831209345157>
- Bess, James L. (2000). *Teaching alone, teaching together: transforming the structure of teams for teaching*. Jossey-Bass: San Francisco.
- Bhasah Abu Bakar, Mohd Nafiruddin Mad Siadid, Abdul Jadid Suwairi, Safaruddin Urusli, Azlan Deris, Mohd Yusof, Mahyuddin. 2012. *Persepsi Pelajar Tingkatan 1 Terhadap Keberkesanan Program j-QAF*. (Laporan Kajian). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Binkhorst, F. (2018). *Teaching and Teacher Education*. Elsevier: USA.
- Blanchard, Kathryn D. (2012). *Modeling Lifelong Learning: Collaborative Teaching across Disciplinary Lines*. Alma, Blackwell Publishing Ltd.
- Bobbit, F. (1918), *The Curriculum*. Copyright 1991. Boston: Houghton Mifflin.
- Borg, W. R., & Gall, M. D., (1971), *Educational Research: An Introduction*. (2nd ed.) New York: David McKay.
- Carpenter, T., Fennema, E., Peterson, P., & Carey, D. (1988), *Teachers' Pedagogical Content Knowledge of Students' Problem Solving in Elementary Arithmetic*. *Journal for Research in Mathematics Education*. Jld 19, 385-401.

- Caswell H. L. & Campbell, D. S. (1935), *Curriculum Development*. New York: American Book Co.
- Charlie Anak Ungang (2007), *Penggunaan Alat Bantu Mengajar dalam Kemahiran Asas Membaca di Kelas Pemulihan: Kajian Kes di Lima Buah Sekolah Daerah Serian Sarawak*. Sarawak: Institut Perguruan Batu Lintang.
- Chin Sik Sean (2001), *Kecemerlangan Akademik Penyuluh Hidup*, <http://nextievel.com.my/article.phd?ArticleID=306>, 3 Mac 2005.
- Che Ku Rahayu bt Che Ku Long (1999), "Solat Fardhu di Kalangan Kakitangan Syarikat Percetakan The New Straits Time Press (Malaysia), Bangsar : Satu Kajian Kefahaman dan Amalannya" (Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya).
- Che Pee Saad (1991), *Murid Sekolah Menengah Agama; Cabaran dan Masa Depan*. *Jurnal Pendidikan Islam*. 4, (3). Bangi : Maktab Perguruan Islam.
- Chua Tee Tee & Koh Boh Boon (1992), *Pendidikan Khas dan Pemulihan: Bacaan Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan pustaka.
- Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Copyright. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia).
- Choksy, L. (1999), *The Kodaly Method. Comprehensive Music Education*. (3rd. Edition). New Jersey: Prentice Hall.
- Clark, C. & Yinger, R., (1979), *Research on Teacher Planning: A Progress Report*. *Journal of Curriculum Studies*. Jld. 11(2) , 175 – 177.
- Colin Marsh & George Willis (1995), *Curriculum: Alternatives Approaches, Ongoing Issue*. New Jersey: A Simon & Schuster Company Englewood Cliffs.
- D'Amato, R. (2015). *Using Brain-Based Approach to Collaborative Teaching and Learning with Asians*. China, John Wiley & Sons, Inc.
- Darling-Hammond, L. (2003). Keeping Good Teachers: Why It Matters, What Leaders Can Do. *Educational Leadership*, 60, 6-13.
- Datu Raiman bin Datu Kauman & Nancy Loo Kason (2007), *Persepsi Murid Terhadap Pengurusan Praktikum di Institut Perguruan Kent Tuaran*. Sabah: IP Kent.
